

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

JABATAN KE'TUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
KOTA KINABALU
SABAH, MALAYSIA

Bil. CMD.JKM.100-31/0

04 April 1995

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak berkuasa Tempatan
Semua Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah Kecil

**PENERIMAANPAKAI SISTEM FAIL HOUSEKEEPING
SEBAGAI SISTEM FAIL SERAGAM**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan penerimaanpakai Sistem Fail Housekeeping sebagai Sistem Fail Housekeeping bagi semua pejabat awam negeri Sabah.

2. Bersama-sama ini dilampirkan senaskah Buku Panduan Sistem Fail Housekeeping tersebut untuk rujukan dan tindakan selanjutnya. Buku Panduan Sistem Fail tersebut adalah merupakan satu penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan pengurusan rekod. Penggunaan Sistem Fail Housekeeping ini akan memudahkan pejabat-pejabat awam negeri mempraktikkan Program Pengurusan Rekod dengan lebih teratur.
3. Kementerian/Jabatan/ Pejabat/Agensi Kerajaan Negeri yang belum menggunakan Sistem Fail Housekeeping ini adalah dinasihatkan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengemaskinikan Sistem Fail masing-masing dengan serta merta.
4. Jika terdapat sebarang masalah, pihak Datuk/Tuan/Puan bolehlah menghubungi Urusetia Jawatankuasa Kecil Kualiti Pengurusan Fail dan Rekod (Bahagian Pendaftaran), Jabatan Ketua Menteri untuk penjelasan lanjut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

(DATUK (DATU) KHALIL BIN DATU HAJI JAMALUL)
Setiausaha Kerajaan Negeri

lampiran.